

Sinar  
Harian  
18/4/2018

# Tekong bot Vietnam mengaku beri suapan

m/s 21

**KUALA TERENGGANU-** Seorang tekong bot Vietnam dijatuhkan hukuman penjara empat bulan dan denda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu, semalam kerana memberi suapan RM1,000 kepada pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim).

Tertuduh, Nguyen Van Ut, 50, turut berdepan hukuman penjara 12 bulan lagi sekiranya gagal menjelaskan denda berkenaan.

Keputusan itu dibuat Hakim Mohamad Halidar Abdul Aziz selepas tertuduh mengaku bersalah terhadap pertuduhan mengikut Seksyen 17 (b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa memberi suapan wang tunai RM1,000 kepada Leftenan Komander (M), Muhmmad Rezal Kamal Bashah yang bertugas di Pengkalan Maritim Kemaman pada jarak 43.3



**Tertuduh, Nguyen Van Ut, dihukum empat bulan penjara dan denda RM10,000 selepas mengaku salah memberi suapan.**

batu nautika dari Tanjung Mat Amin Kemaman, jam 2 pagi pada 12 April lalu.

Suapan itu sebagai dorongan untuk melepaskan bot nelayan nombor pendaftaran TRF 242 daripada ditahan kerana melakukan

kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985.

Pendakwaan dijalankan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Farah Yasmin Salleh manakala tertuduh tidak diwakili peguam.